

ABSTRAK

Bahasa Bidayuh Sadong sememangnya tidak asing lagi dalam dunia pengkaji bidang bahasa ataupun dalam kalangan ahli-ahli linguistik di Malaysia terutamanya di Sarawak. Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk mengkaji fungsi serta penggunaan imbuhan dalam bahasa Bidayuh Sadong yang fokusnya di Kampung Bunan Gega. Pengkaji telah menetapkan dua objektif iaitu mengenal pasti imbuhan yang terdapat dalam bahasa Bidayuh Sadong: Kampung Bunan Gega dan seterusnya menjelaskan fungsi imbuhan tersebut. Kajian ini merupakan kajian kualitatif yang berbentuk deskriptif. Pengkaji menggunakan kaedah temu bual secara mendalam dan bersemuka dengan enam orang informan di lapangan. Selain itu, sepanjang proses temu bual, pengkaji hanya berpandukan 200 senarai kosa kata dasar Swadesh. Dengan menerapkan Teori Struktural berserta Prinsip-prinsip Menganalisis Morfologi, pengkaji berhasil untuk mendapatkan 11 imbuhan iaitu 9 imbuhan awalan dan 2 imbuhan sisipan dalam bahasa Bidayuh Sadong: Kampung Bunan Gega. Dalam proses menganalisis data pula, pengkaji menggunakan simbol-simbol yang diperkenalkan oleh E. A. Nida sebagai panduan serta memudahkan cara analisis kata terbitan yang diperolehi daripada informan. Tambahan daripada itu, pengkaji mendapati bahawa 11 imbuhan tersebut mendukung sebanyak 14 fungsi dan semua fungsi tersebut mendukung tugas tertentu dalam konteks yang berbeza. Pada hakikatnya, pengkaji berjaya mencapai kedua-dua objektif yang ditetapkan dalam kajian ini malah pengkaji turut beranggapan bahawa kajian ini menutup beberapa kelompangan yang ada pada kajian bahasa Bidayuh sebelumnya. Oleh hal yang demikian, kajian ini berkepentingan terhadap masyarakat bahasa ini sendiri kerana sedikit sebanyak mengangkat keunikan yang sememangnya ada dalam bahasa Bidayuh Sadong. Akhir sekali, kajian ini juga berupaya untuk menarik minat para pengkaji bahasa untuk bersama-sama menerokai sisi lain dalam bahasa Bidayuh Sadong.

ABSTRACT

Bidayuh Sadong language indeed a very well known language for a researchers or the linguist expert in Malaysia especially at Sarawak. Therefore, the aim of this study are to examine the functions and the used of affixes in Bidayuh Sadong language at Kampung Bunan Gega. The objectives of this research are to identify the prefixes and infixes in Bidayuh Sadong language and to explain the function of the affixes in that language. This study is a qualitative descriptive study. The method for this study is in-depth interview with six informant involved. During the interview, researcher guided by 200 in Swadesh List. The researcher used Structural Theory with the Morphological Analytical Principles and managed to obtained 9 prefixes and 2 infixes in Bidayuh Sadong language at Kampung Bunan Gega. For data analyzing, the researcher used the symbols that were introduced by Nida as a guided to analyze the derivatives obtained from informants. Thus, the researcher found out that 9 prefixes and 2 suffixes carry out 14 different functions depending on the contexts. In fact, the researcher managed to achieve both of objectives and researcher believe that, these study managed to fills some gaps in previous studies of Bidayuh language. This study is important for Bidayuh Sadong communities as it show the uniqueness in their language and also attract language researcher to explore more about the Bidayuh Sadong language.